

KERATAN AKHBAR BULAN OGOS 2021
BERITA HARIAN

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OGOS 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	03.08.2021	PAC Kemuka Syor Kepada Kerajaan – Perolehan Vaksin	2
2.	03.08.2021	Disiasat Lantik Anak Jadi Pengurus	3
3.	03.08.2021	5 Direman Bantu Siasatan Pindah Hak Milik Tanah Tak Sah	4
4.	05.08.2021	Pengurus FELDA Direman Kes Salah Guna Kuasa	5
5.	06.08.2021	Syor Jawatankuasa Khas Isu Salah laku di UniSZA	6
6.	07.08.2021	Negara Sudah Dapat Semula Lebih 5B	7
7.	07.08.2021	Dakwa Bayar RM80 Suntik Vaksin Tak Benar	7
8.	07.08.2021	Pengarah Ditahan Bantu Siasatan Kes Rasuah	8
9.	10.08.2021	Penolong Jurutera Didakwa Terima Rasuah	9
10.	10.08.2021	7 Syarikat Bentuk Kartel Kena Penalti RM1.04 Juta	9
11.	10.08.2021	Jawatankuasa Awasi Aktiviti Palsukan Sijil Vaksinasi Digital	10
12.	11.08.2021	Pengarah Jabatan, Kontraktor Kena Reman Kes Rasuah RM200,000	11
13.	12.08.2021	Datuk Bandar Kena Reman Kes Rasuah	12
14.	13.08.2021	‘Najib Setuju Ketua Audit Negara Teliti Laporan’ – kes 1MDB	13
15.	19.08.2021	Jurutera Antara 4 Direman – Kes Rasuah Projek Jalan, Sekolah Tahfiz	14
16.	19.08.2021	Bekas CEO Nafi Guna Kedudukan Selewang Dana – kes 1MDB	15
17.	28.08.2021	Pengasas Syarikat Teksi Didakwa Terima Rasuah	16

BERITA HARIAN/3 OGOS 2021/M.S:14

Perolehan vaksin

PAC kemuka syor kepada kerajaan

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengemukakan rumusan dan syor kepada kerajaan berhubung perolehan vaksin COVID-19 dan penggunaannya terhadap rakyat, sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat selewat-lewatnya Oktober ini.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh, berkata jawatankuasa itu, semalam mendengar penjelasan daripada Kementerian Kesihatan (KKM) yang diwakili Menteri-nya, Datuk Seri Dr Adham Baba; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd Shafiq Abdullah; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Dr Ros-hayati Mohamad Sani, di Parlimen.

"Prosiding berlangsung selama hampir tiga setengah jam bermula jam 10.30 pagi dan ia adalah prosiding keempat selepas prosiding bersama Kementerian Ke-

wangan pada 28 Julai lalu.

"Prosiding itu berjalan amat lancar, dengan pematuan segala prosedur operasi standard (SOP) kesihatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pada 27 Julai lalu, PAC memanggil Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairry Jamaluddin, bagi memberi penjelasan mengenai perolehan vaksin COVID-19, sebelum memanggil Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada keesokan harinya.

PAC sebelum ini, memulakan prosiding berhubung perkara itu dengan mendengar penjelasan daripada Khairry, yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PI-CK) dan Dr Adham pada 5 Januari lalu.

Prosiding berkenaan menggunakan punca kuasa daripada PM77(1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, yang membenarkan PAC me-

Prosiding berlangsung selama hampir tiga setengah jam bermula jam 10.30 pagi dan ia adalah prosiding keempat selepas prosiding bersama Kementerian Kewangan pada 28 Julai lalu

Wong Kah Woh,
Pengerusi PAC



riksa apa-apa perkara lain yang difikirkan jawatankuasa itu patut diperiksa.

Sementara itu, Kah Woh melahirkan rasa kesal dengan tindakan polis yang didakwa gagal memberikan laluan selamat kepada Ahli PAC untuk menghadiri prosiding berkenaan.

"Walaupun pada akhirnya ahli PAC diberikan laluan selepas campur tangan pengurusan Parlimen, tindakan sebegini tidak

sepatutnya berlaku dan satu ancaman terhadap peranan kami selaku ahli PAC.

"Ia bertentangan dengan usul yang memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga laluan masuk dan keluar untuk ahli Parlimen hadir ke sebarang mesyuarat di Parlimen, yang diluluskan Dewan Rakyat pada setiap pembuka-kan penggal dan menyalahi Seksyen 124 Kanun Keseksaan," katanya.

Berita Harian | 3 August 2021 | Page 16

Disiasat lantik anak jadi pengurus

Kuala Terengganu: Pengerusi sebuah koperasi di Terengganu direman selama tujuh hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes menyalah guna kuasa dengan melantik anaknya sebagai pengurus sebuah syarikat milik koperasi.

Perintah reman sehingga 8 Ogos terhadap suspek berusia 60-an itu dikeluarkan Majistret

Kuala Terengganu, Wan Aziantie Wan Ab Karim@Isa, selepas permohonan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Tinggi Sesyen, Kuala Terengganu.

Ini bagi membolehkan siasatan mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dijalankan.

Suspek sebelum ini ditahan di pejabat SPRM Terengganu pada jam 3.50 petang kelmarin ketika memberi keterangan di pejabat SPRM.

Siasatan awal mendapati suspek disyaki menyalah guna kuasa dengan melantik anaknya sebagai pengurus, bagi sebuah syarikat milik penuh koperasi pada 2018.

Berita Harian | 3 August 2021 | Page 16



Lima individu dibawa ke Mahkamah Majistret Alor Setar, semalam.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

5 direman bantu siasatan pindah hak milik tanah tak sah

**SPRM giat
kesan beberapa
individu lain
terbabit dalam
kegiatan sama**

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Lima individu, termasuk tiga kakitangan pejabat daerah dan tanah negeri ini, direman selama lima hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kegiatan pindah hak milik tanah tidak sah.

Perintah reman ke atas semua suspek dibenarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Alor Setar, Wan Nor Fadzilah Wan Ibrahim selepas mendapat permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Semua suspek, termasuk seorang wanita berusia antara 48 hingga 57 tahun tiba kira-kira jam 10 pagi semalam, di Kompleks Mahkamah Alor Setar dengan menaiki kenderaan SPRM dan diiringi pegawai agensi terbabit.

Kelmarin, SPRM Kedah menahan lima individu, termasuk tiga kakitangan pejabat daerah dan tanah negeri ini, selepas mereka disyaki menerima rasuah daripada seorang pemilik tanah.

Semua suspek, termasuk seorang berjawatan penolong pegawai tanah dan pembantu tadbir, dikatakan menerima rasuah daripada seorang pemilik tanah di satu daerah sebagai balasan mendaftarkan 41 nama pemilik lain ke dalam hak milik tanah.

Mereka dipercayai melakukan proses itu tanpa melalui urusan pindah milik tanah yang sah di antara 2019 hingga 2020.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Difahamkan, SPRM kini sedang mengesan beberapa individu lain yang dipercayai terbabit dalam kegiatan sama, selain berusaha mendapatkan dokumen penting berkaitan kes.

Berita Harian | 5 August 2021 | Page 17

Pengurus FELDA direman kes salah guna kuasa

Kuantan: Seorang pengurus FELDA direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa membabitkan projek pertanian berjumlah RM64,739.

Perintah reman dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya Kuantan, Humairah KM Haider selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam.

Lelaki berusia 38 tahun itu ditahan di pejabat SPRM Pahang, di sini, selepas hadir memberi

keterangan kira-kira 7 malam kelmarin.

Suspek yang tiba di Kompleks Mahkamah Kuantan pada jam 9.30 pagi dengan berkemeja-Tlokap SPRM, disyaki menggunakan kedudukannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perolehan Rancangan (JKPR) melantik syarikat yang mempunyai kepentingan dengan dirinya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pahang Hairuzam Mohamad Amin @ Hamim mengesahkan penahanan lelaki itu dan menyatakan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

BERNAMA

Berita Harian | 6 August 2021 | Page 18

Syor jawatankuasa khas isu salah laku di UniSZA

Kuala Terengganu: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) disaran melantik sebuah jawatankuasa bebas untuk menjalankan siasatan terhadap Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang didakwa melakukan salah laku pentadbiran.

Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof Datuk Dr Mohd Idrus Mohd Masirin, berkata jawatankuasa bebas itu perlu terdiri daripada pihak luar yang tidak mempunyai kepentingan dan kaitan dengan UniSZA.

Beliau berkata, ini penting bagi menjamin ketelusan, kebebasan dan keadilan proses siasatan yang akan dijalankan.

"MAAC juga menyokong sebarang pelantikan pengganti sementara dalam kalangan Timbalan Naib Canselor untuk menjalankan tugas Naib Canselor, agar operasi universiti dapat dilaksanakan seperti biasa dan berjalan lancar," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pelantikan itu adalah pelantikan sementara dalam tempoh menunggu keputusan siasatan.

"MAAC juga menggesa Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UniSZA untuk menghormati dan mematuhi peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan perlembagaan universiti yang sedang berkuat kuasa.

"Sebarang tindakan terhadap Naib Canselor perlulah dimaklumkan dan mendapat restu Menteri Pengajian Tinggi (Datuk Seri Noraini Ahmad) untuk mengelak salah tanggapan terhadap pihak LPU, pengurusan universiti dan warganya. Sebarang salah tanggapan ini boleh memberi impak kepada reputasi universiti," katanya.

Mohd Idrus berkata, MAAC percaya bahawa sebarang dakwaan salah laku perludipastikan sahih demi menjaga keadilan dan sekiranya ia didapati benar, maka tertakluk pada Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) dan mahkamah menentukan tindakan selanjutnya.

"Dalam keadaan suasana politik dan pandemik COVID-19 yang tidak menentu ini, saya percaya warga UniSZA akan dapat bertenang dan melaksanakan operasi pentadbiran, proses pengajaran dan pembelajaran di universiti demi kelangsungan akademik serta pengajian mahasiswa di UniSZA," katanya.

Terdahulu, Persatuan Staf Akademik (PSA) UniSZA dalam satu kenyataan berkata, pihaknya sudah menghantar surat kepada Menteri Pengajian Tinggi untuk menggunakan budi bicaranya melantik segera pemangku Naib Canselor universiti berkenaan.

PSA UniSZA turut mencadangkan nama Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNC A&A), Prof Dr Kamarul Shukri Mat Teh untuk menjalankan tugas serta fungsi Naib Canselor.

BERNAMA

BH | Sabtu, 7 Ogos 2021

Nasional

15

Dana 1MDB

Negara sudah dapat semula lebih RM5b

DoJ ambil tindakan ke atas aset tambahan diseleweng

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) menyerahkan semula tambahan AS\$452 juta (RM1.9 bilion) dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang disalah guna kepada rakyat negara ini, menjadikan jumlah keseluruhan yang dipulangkan kira-kira AS\$1.2 bilion (RM5 bilion).

Berdasarkan dokumen mahkamah, dana daripada 1MDB, diubah menerusi beberapa institusi kewangan utama seluruh dunia termasuk AS, Switzerland, Singapura dan Luxembourg.

Bermula 2016, usaha merangkumi 41 tindakan rampasan sivil difailkan di Mahkamah Daerah California dan satu di Mahkamah Daerah Columbia oleh Seksyen Pengubahan Wang dan Pemerolehan Aset (MLARS) Bahagian Jenayah DoJ yang menyebabkan aset diseleweng lebih AS\$1.7 bilion (RM7.17 bilion) disita.

Ini pemerolehan aset terbesar setakat ini di bawah inisiatif Jabatan Pemulihan Aset Kleptokrasi.

DoJ dalam satu kenyataan berkata, kedua-dua dana berkenaan dilucutkan dan ia diperoleh serta

dikembalikan hasil bantuan jabatan berkenaan.

Menurut dokumen itu, ia berkata DoJ terus mengambil tindakan ke atas aset tambahan yang ada kaitan dengan penyeleweng itu.

Katanya, dalam aduan dakwaan rampasan sivil, sejak 2009 hingga 2015, lebih AS\$4.5 bilion (RM18.98 bilion) dana milik 1MDB didakwa disalah guna oleh pegawai tertinggi 1MDB, rakan subahat dan Low Teak Jho atau Jho Low menerusi aktiviti jenayah membabitkan perubahan wang haram dan penyeleweng dana antarabangsa.

"Sebahagian hasil penyeleweng didakwa digunakan untuk membayar rasuah," katanya.

1MDB diwujudkan oleh kerajaan Malaysia bagi mempromosikan pembangunan ekonomi di negara ini menerusi usaha sama global dan pelaburan langsung asing.

Dana berkenaan dibangunkan untuk digunakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, dana yang dipegang 1MDB dan hasil bon yang dikeluarkan untuk/dan bagi pihak 1MDB dibelanjakan untuk pelbagai jenis barang mewah, termasuk rumah dan harta tanah mewah di Beverly Hills, New York dan London; kapal layar mewah; seni halus oleh Monet dan Van Gogh.

Dana berkenaan turut digunakan untuk pelbagai tujuan pelaburan termasuk hotel butik di Beverly Hills dan syarikat produksi filem yang menghasilkan *The Wolf of Wall Street*, selain aktiviti penyeleweng berterusan mem-

bakitkan pembangunan semula Park Lane Hotel di Manhattan serta saham dalam EMI, iaitu pemegang hak muzik terbesar.

Seperti didakwa, dana lain juga diberikan kepada pelbagai pegawai awam dan rakan konspirasi.

Pasukan Rasuah Antarabangsa Biro Siasatan Persekutuan (FBI) di New York dan Los Angeles dan pasukan penyiasat jenayah Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri (IRS) mengetahui siasatan.

Perbicaraan kes terbabit dikenalkan Peguam Pendakwaan MLARS, Barbara Levy, Josh Sohn dan Jonathon Baum.

Penolong Peguam AS, Jonathon Galatzen dan Ketua Seksyen Pelucutan Aset Daerah Tengah, Steven R Welk berkhidmat sebagai rakan MLARS bersama dengan Bekas Timbalan Ketua MLARS, Woo S Lee; Peguam Pendakwaan, Kyle Freeny serta Bekas Penolong Peguam AS, John Kucera dan Michael Sew Hoy.

Menurut dokumen itu lagi, Bahagian Jenayah Pejabat hal Ehwal Antarabangsa juga menyediakan bantuan termasuk sokongan daripada Unit Operasi Program MLARS.

Bantuan dan sokongan penting juga diberikan kepada DoJ daripada Jabatan Peguam Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Peguam Negara Singapura, Bahagian Hal Ehwal Komersial Pasukan Polis Singapura, dan Pejabat Kehakiman Persekutuan Switzerland, pihak berkuasa penyiasatan kehakiman Grand Duchy of Luxembourg serta Jabatan Siasatan Jenayah Polis Grand-Ducal Luxembourg.



Pekerja warga asing beratur panjang menunggu giliran di PPV di Pusat Konvensyen Midlands, Shah Alam, kelmarin.
(Foto Owee Ah Chury/BH)

Dakwaan bayar RM80 suntik vaksin tak benar

Kuala Lumpur: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati dakwaan bayaran RM80 dikenakan bagi setiap suntikan vaksinasi di sebuah pusat pemberian vaksin (PPV) tidak benar.

SPRM dalam kenyataan di sini semalam berkata, dakwaan itu timbul susulan klip video yang tular mengenai kesesakan didakwa di PPV Shah Alam Convention Centre (SACC), berikutan kehadiran warga asing yang beratur panjang untuk menerima vaksinasi.

Risikan SPRM mendapati lokasi sebenar kesesakan ialah di PPV Pusat Konvensyen Midlands yang dijadikan PPV Pekerja Industri (PPVIN), iaitu sebahagian daripada inisiatif Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

"SPRM menghantar pasukan pegawai risik bagi memantau dakwaan dan kejadian didapati di PPV Pusat Konvensyen Midlands dan bukan di PPV SACC,

Shah Alam seperti dakwaan dalam klip video terbabit.

"Dakwaan kononnya RM80 perlu dibayar kepada penjaga pintu untuk masuk ke PPV adalah tidak benar.

"Berlaku masalah pada sistem membabitkan janji temu individu tersenarai di PPV Pusat Konvensyen Midlands dan kesesakan berpunca daripada tindakan pekerja asing mencuba nasib mendapatkan vaksinasi, walaupun tanpa janji temu," katanya.

Sehubungan itu, SPRM menasihatkan orang ramai supaya melaporkan maklumat berhubung rasuah dengan menghubungi mana-mana pejabat SPRM dan bukan ditularkan di media sosial.

Kelmarin, tular di media sosial mengenai kesesakan di PPVIN di Pusat Konvensyen Midlands yang dipenuhi warga asing.

Ia berpunca daripada tindakan pekerja asing yang hadir tanpa janji temu bagi mencuba nasib mendapatkan vaksin.

Berita Harian | 7 August 2021 | Page 16

Pengarah ditahan bantu siasatan kes rasuah

Kuching: Pengarah sebuah agensi kerajaan di Sibu direman tujuh hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes menerima suapan bernilai lebih RM48,000.

Perintah reman sehingga 12 Ogos itu dikeluarkan Majistret Sri Aman, Muhamad Yasser Mohd Nasri, selepas permohonan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Sibu, menerusi aplikasi Zoom Meet, semalam.

Lelaki berusia 49 tahun itu ditahan pada jam 5.45 petang kelmarin, di Pejabat SPRM Cawangan Sibu.

Sumber berkata, siasatan awal mendapati suspek dipercayai meminta dan menerima wang suapan berjumlah lebih RM48,000 daripada beberapa kontraktor sebagai balasan melantik mereka untuk melaksanakan projek agensi berkenaan di Kalaka, Saribas dan Betong.

Katanya, SPRM turut menyita wang tunai berjumlah lebih RM18,000 daripada suspek.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sarawak, Mohd Zaki Hassan ketika dihubungi mengesahkan penahanan pegawai kanan dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



Muhammad Zaki tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Penolong
jurutera
didakwa
terima rasuah

Shah Alam: Seorang penolong jurutera Majlis Daerah Kuala Selangor atau kini Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan menerima suapan RM5,000 sebagai balasan bagi kerja baik pulih, Januari tahun lalu.

Tertuduh, Nurul Azmunir Ahmad, 40, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Muhammad Anas Mahadzir.

Dia didakwa sebagai Penolong Jurutera Gred JA29, menerima bagi dirinya barangan berharga iaitu wang tunai RM5,000 dengan tiada balasan daripada seorang lelaki berusia 46 tahun yang mana dia tahu mempunyai hubungan dengan tugas rasminya di MPKS.

Tertuduh didakwa memberikan nilai Anggaran Jabatan bagi sebut harga bertajuk 'Kerja-Kerja Membaikpulih Catwalk (Laluan Bersimen) serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Bagan Sungai Yu, Pasir Penambang, Kuala Selangor Di Bawah Projek Projek Kecil Kampung Baru/Bagan/Tersusun Negeri Selangor'.

7 syarikat bentuk kartel kena penalti RM1.04 juta

**MyCC dapati
pengendali gudang
berkomplot
tetapkan surcaj
khidmat kargo**

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tujuh syarikat pengendali gudang yang membuat perjanjian kartel penetapan harga melalui dokumen memorandum, dikenakan penalti keseluruhan berjumlah RM1.04 juta atas kesalahan menetapkan harga perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat kargo import serta eksport di Pelabuhan Klang.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail, berkata

siyasatan suruhanjaya itu mendapati tujuh syarikat terbabit membentuk satu kartel dan berkomplot menetapkan surcaj bagi perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat kargo antara 2017 hingga Disember 2019.

Beliau berkata, pihaknya mengenakan penalti kewangan antara RM26,363.03 hingga RM336,369.13 terhadap tujuh pengusaha operator gudang terbabit, iaitu tidak melebihi 10 peratus daripada nilai perolehan mereka di seluruh dunia.

"Pengusaha itu melakukan kesalahan mengikut Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 dan proses penentuan penalti dilakukan MyCC selepas mempertimbangkan kesan dan impak situasi ekonomi semasa," katanya melalui kenyataan media, di sini, semalam.

Pengusaha gudang terbabit

adalah SAL Agencies Sdn Bhd, WCS Warehousing Sdn Bhd, Regional Synergy (M) Sdn Bhd, Intrexim Sdn Bhd, Pioneerpac Sdn Bhd, Prima Warehousing Sdn Bhd, Interocean Warehousing Services Sdn Bhd.



Iskandar Ismail

Iskandar berkata, ketika serbuan dibuat, semua pengusaha ini dikesan berhubung untuk menetapkan surcaj melalui aplikasi WhatsApp, walaupun tahu mereka pesaing dalam pasaran perkhidmatan gudang, selain didapati membentuk suatu perjanjian kartel melalui dokumen 'Memorandum Surcaj' bertarikh 22 Mei 2017.

"Melalui memorandum itu, semua operator terbabit bersetuju mengenakan harga mulai 1 Jun 2017," katanya menambah, semua pihak terbabit mengemukakan representasi mereka antara

Disember 2020 hingga Mac lalu kepada MyCC.

Katanya, tujuh pengusaha itu diarah menghentikan pembabit dalam perjanjian penetapan harga yang menghalang persaingan dalam perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat ke atas semua kargo import dan eksport.

"Kartel penetapan harga dianggap pelanggaran amat serius mengikut undang-undang persaingan. MyCC amat mengutamakan hukuman setimpal terhadap perjanjian antipersaingan, terutama kartel penetapan harga serta kuota, perjanjian pembahagian pelanggan atau kawasan dan tipuan bida.

"Pelaku kartel ini mencuri wang daripada poket peniaga dan pengguna, jadi MyCC akan terus mengambil tindakan tegas menentang kartel untuk menghentikan sabotaj terhadap ekonomi negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka," katanya.

Selasa, 10 Ogos 2021

Individu lengkap vaksin

Jawatankuasa awasi aktiviti palsu sikan sijil vaksinasi digital

Rakyat diminta bertanggungjawab pastikan kelengkapan tak disalah guna

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Koordinasi Penguatkuasaan dan Pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 akan memantau kegiatan pemalsuan sijil vaksinasi digital, susulan pemberian kemudahan tertentu kepada golongan sudah lengkap imunisasi, berkuat kuasa hari ini.

Menteri Kanan Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, menjelaskan jawatankuasa itu yang diketuai Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, bagaimana pun tidak akan dapat memantau semua kes berkenaan.

"Kerajaan negeri, kementerian dan agensi berkaitan perlu bekerjasama bagi memastikan isu terbabit dapat ditangani secara menyeluruh. Tindakan tidak bertanggungjawab sedemikian perlu dibawa ke muka pengadilan. Saya juga berharap orang ramai bekerjasama memaklumkan kepada kerajaan jika wujud kes sebegini," katanya, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan kemudahan tertentu untuk individu yang sudah menerima vaksinasi lengkap, termasuk kebenaran menunaikan solat berjemaah di surau dan masjid, selain rentas daerah atau negeri bagi pasangan suami isteri jarak jauh serta ibu bapa berjumpa anak bawah umur 18 tahun.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, rakyat perlu bersikap telus, bertanggungjawab dan berdisiplin bagi memastikan kemudahan diberi tidak disalahgunakan kerana ia juga datang daripada permintaan orang ramai yang antara lain menim-

bulkan persoalan apa guna mengambil vaksin kalau masih ada sekatan pergerakan.

"Kerajaan dikatakan tiada belas kasihan kepada suami isteri tinggal berjauhan, selain ada ibu bapa tidak dapat berjumpa dengan anak berbulan-bulan. Kita tahu perkara itu (kemudahan) ada risiko, mungkin kes COVID-19 bertambah.

"Pada peringkat awal kelengkapan diberi ini, sama ada ia berjaya atau tidak, bergantung pada orang ramai, kementerian dan agensi dipertanggungjawabkan," katanya menambah tiada kelengkapan untuk golongan berusia 18 tahun ke atas yang sudah menerima vaksinasi lengkap merentas negeri berjumpa ibu bapa buat masa ini.

Beliau menjelaskan, ia membabitkan jumlah ramai yang dikuatiri boleh menyumbang peningkatan kes COVID-19 dan perkara itu diputuskan selepas penilaian risiko jangkitan semasa pada peringkat awal kini dengan hanya ibu bapa lengkap divaksinasi dibenarkan merentas negeri untuk berjumpa anak berusia 18 tahun ke bawah.

"Kita temukan dahulu ibu bapa dengan anak. Keputusan itu bukan berdasarkan ekonomi dan kesihatan, sebaliknya aspek mental serta kesejahteraan individu. Sabar dulu yang bujang (tidak dapat rentas negeri berjumpa ibu bapa)," katanya.

Mengenai ketiadaan kemudahan sektor sosial kepada negeri dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) pula, Hishammuddin berkata, situasi COVID-19 di kawasan terbabit masih pada tahap membimbangkan, termasuk keadaan hospital yang sesak dengan pesakit wabak itu.

"Saya bimbang kalau diberi kelengkapan kepada negeri Fasa 1, ia akan membebankan petugas barisan hadapan untuk rawat pesakit. Justeru, kerajaan tubuhkan Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley diketuai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong untuk fokus isu COVID-19 di Lembah Klang," katanya.

Katanya, kemudahan diberi kan itu bakal memanfaatkan 3.97

Kerajaan negeri, kementerian dan agensi berkaitan perlu bekerjasama bagi memastikan isu terbabit dapat ditangani secara menyeluruh

Hishammuddin Hussein, Menteri Kanan Luar Negeri



juta penduduk di negeri Fasa 2 dan Fasa 3 PPN yang sudah lengkap divaksinasi, setakat kelmarin.

Dalam kenyataan berasingan, katanya, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di beberapa lokaliti di Sabah, Kelantan dan Perak, selama 14 hari bermula esok.

PKPD di Sabah membabitkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Sri Baling dan PPR Taman Sri Titingan, Tawau; Kem 2 Tolokson, Tenom; Kampung Kota Tuaran, Tuaran serta Kampung Sarikan, Nabawan.

PKPD di Kelantan membabitkan Taman Sri Bayu, Tumpat, manakala Perak pula Taman Meru 2B, Kinta; Kampung OA Sg Lah (Mukim Chendering); Kampung Senta, Kampung Chang dan Kampung Sanding (Mukim Bidor); serta Kampung OA Mengderang (Mukim Sungkai).

"Turut dikenakan PKPD di Perak ialah Mukim Batang Padang membabitkan Kampung OA Batu 6, Kampung OA Batu 14, Kampung OA Batu 16, Kampung OA Batu 17, Kampung OA Batu 18 dan Kampung OA Batu 19.

"Seterusnya, Kampung Kenderong, Kampung Sungai Rensa, Kampung Sungai Chendon, Kampung Sungai Odak, Kampung Ampangan, Kampung Pos Woh dan Kampung OA Batu 7 serta Batu 7 1/2," katanya.

Berita Harian | 11 August 2021 | Page 18



Kedua-dua suspek kes rasuah RM200,000 tiba di Mahkamah Majistret Georgetown, semalam.

(Foto Zuhainy Zulkiffli/BH)

Pengarah jabatan, kontraktor kena reman kes rasuah RM200,000

Georgetown: Pengarah Jabatan Kejuruteraan sebuah majlis perbandaran di Kedah dan seorang kontraktor direman lima hari bagi membantu siasatan kes rasuah RM200,000 dua tahun lalu.

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Majistret Georgetown, Nur Fardina Zulkhairi, membenarkan permohonan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mulai semalam sehingga 14 Ogos.

Kedua-dua suspek lelaki ma-

sing-masing berusia 41 dan 48 itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM Pulau Pinang di sini, kira-kira jam 11 pagi kelmarin.

Menurut sumber SPRM, pengarah itu dipercayai menyalahgunakan kuasa bagi mencadangkan syarikat bapanya diberikan projek kerajaan pada 2019.

Suspek dikatakan membuat cadangan itu kepada Lembaga Perolehan Negeri Kedah memabitkan projek kerja menurap

dan menyelenggara jalan di sebuah daerah di Kedah.

Kontraktor pula dipercayai turut mempunyai kaitan dalam kes berkenaan.

Terdahulu, kedua-dua suspek tiba di mahkamah kira-kira jam 10 pagi dengan memakai baju lokap SPRM dan diwakili peguam Parmjit Singh.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan SPRM akan memanggil beberapa orang saksi bagi siasatan lanjut.

Berita Harian | 12 August 2021 | Page 21

Datuk Bandar kena reman kes rasuah

Siasatan awal dapati suspek terima suapan lulus projek

Oleh **Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Seorang Datuk Bandar pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini direman tiga hari mulai semalam, bagi

membantu siasatan kes menerima rasuah.

Majistret Mohd Zulhilmi Ibrahim, membenarkan perintah reman tiga hari itu selepas mendengar permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Terdahulu, pegawai kanan kerajaan Johor berusia 60 tahun itu tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Johor Bahru, di sini, kira-kira jam 9 pagi dengan memakai baju lokap SPRM berwarna jingga.

Kelmarin, SPRM Johor dilaporkan menahan pegawai ka-

nan kerajaan itu kira-kira jam 3 petang di Pejabat SPRM Johor.

Suspek kini bertugas sebagai Datuk Bandar ditahan bagi membantu siasatan kes rasuah yang sedang dijalankan ketika menjawat jawatan sama di sebuah lagi PBT di negeri ini.

Hasil siasatan awal dijalankan mendapati, suspek menerima wang rasuah daripada kontraktor bagi setiap kelulusan projek yang dilaksanakan di bawah kendalian sebuah PBT ketika beliau menjadi Datuk Bandar di majlis bandar raya itu.

BERITA HARIAN/13 OGOS 2021/M.S:16

Kes 1MDB

'Najib setuju Ketua Audit Negara teliti laporan'

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, Jemaah Menteri dipimpin Datuk Seri Najib Razak sebelum ini bersetuju Ketua Audit Negara meneliti laporan audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang disediakan firma audit, Deloitte Malaysia.

Bekas Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Kabinet), Tan Sri Mazidah Abdul Majid, ketika membacakan pernyataan saksinya berkata, keputusan itu dicapai pada mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mac 2015, yang dihadiri 36 menteri yang kemudiannya disahkan dalam minit mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 13 Mac 2015.

Mazidah, 72, berkata, beliau hadir pada mesyuarat itu kerana tugasnya selaku TKSU Kabinet adalah untuk membantu Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang juga Setiausaha Jemaah Menteri untuk merekodkan minit mesyuarat itu.

Ketika merujuk kepada minit mesyuarat Jemaah Menteri itu, Mazidah berkata, Najib sudah memberitahu ahli Kabinet

dalam satu perutusan khas ketika mesyuarat bahawa Ketua Audit Negara akan meneliti laporan audit pengurusan kewangan dan pelaburan 1MDB disediakan Deloitte Malaysia serta mendapatkan dokumen sokongan bagi memastikan pelaburan syarikat itu teratur.

"Najib berkata, satu lagi taklimat akan disampaikan dalam mesyuarat jemaah menteri ini adalah daripada pihak Deloitte Malaysia untuk menentukan sama ada terdapat salah laku seperti rasuah atau penyalahgunaan dana dan sebagainya dalam 1MDB.

"Taklimat oleh Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB (Arul Kanda Kandasamy ketika itu) pula akan memfokus kepada penjelasan kedudukan dan pelan pemulihan 1MDB bagi menangani masalah aliran tunai jangka pendek dan jangka panjang berhubung obligasi hutangnya untuk memastikan kemampunan syarikat itu

dalam jangka panjang," katanya ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Nadia Zulkefli pada perbicaraan kes Najib dan Arul Kanda yang berdepan pertuduhan meminda laporan akhir audit 1MDB.

Saksi pendakwaan kesembi-lan itu berkata, Najib dalam perutusan khasnya turut berkata selepas Ketua Audit Negara meneliti dan mengesahkan laporan audit 1MDB oleh Deloitte Malaysia, ia akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Bagaimanapun, Najib berkata, pembentangan laporan kepada PAC mengenai 1MDB perlu dipertimbangkan dan dirancang dengan berhati-hati bagi mengelak fakta atau isu syarikat itu diputarbelitkan, misalnya melalui pembocoran maklumat kepada pihak ketiga dan dijadikan kontroversi," katanya.

Najib, 68, didakwa mengu-

nakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dibuat terhadap laporan akhir audit 1MDB yang dimuktamadkan Ketua Audit Negara, sebelum laporan itu 'sekali lagi dimuktamadkan' dan dibentangkan di hadapan PAC bagi mengelak sebarang tindakan diambil terhadap beliau.

Arul Kanda, 45, pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan itu bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan terbabit daripada tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Pusat, Wilayah Persekutuan Putrajaya antara 22 hingga 2 Februari 2016, mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sabit kesalahan boleh dipenjara 20 tahun atau denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan bersambung 9 September ini.

BERNAM.



Najib Razak

Berita Harian | 19 August 2021 | Page 19

Kes rasuah projek jalan, sekolah tahfiz

Jurutera antara 4 direman

Shah Alam: Empat individu, termasuk seorang jurutera sebuah jabatan kerajaan direman lima hari, bermula semalam bagi membantu siasatan kes rasuah projek jalan dan sekolah tahfiz berjumlah RM130,000, dua tahun lalu.

Mahkamah turut membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang penolong jurutera selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah berjumlah RM8,000 sebagai balasan memperakukan kerja siap bagi penyelenggaraan dan pembaikan kecil ruang pejabat di jabatan yang sama.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Ahmad Faisal Azmi selepas membenarkan permohonan dikemukakan secara berasingan oleh SPRM.

Terdahulu, semua suspek diiringi pegawai SPRM secara berasingan menaiki tiga kenderaan kira-kira jam 9.50 pagi.

Semua suspek berusia antara 37 hingga 45 tahun ditahan antara jam 1.30 tengah hari hingga



Empat suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor.

Sumber berkata, sekitar 2019 hingga tahun lalu, suspek jurutera dan penolong jurutera yang bertugas di sebuah daerah di Selangor dipercayai meminta dan menerima wang rasuah lebih RM120,000 daripada kontraktor bagi mendapatkan kerja pembinaan jalan raya dan pembinaan sekolah tahfiz di daerah itu.

Difahamkan, kontraktor terabit tidak layak memperoleh pro-

jek berkenaan, namun menggunakan nama syarikat lain bagi membolehkan mereka mendapat projek.

Seorang lagi penolong jurutera yang bertugas di tempat sama dipercayai meminta dan menerima rasuah lebih RM8,000 daripada sebuah syarikat kontraktor sebagai balasan memperakukan kerja siap bagi penyelenggaraan dan pembaikan kecil ruang pejabat di jabatan berkenaan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Berita Harian | 19 August 2021 | Page 19

Kes 1MDB

Bekas CEO nafi guna kedudukan seleweng dana

**Mohd Hazem
tak setuju ketika
dicadangkan
dalang sebenar
penyelewengan**

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Mohd Hazem Abd Rahman menafikan dakwaan beliau menggunakan kedudukannya untuk menyeleweng dana syarikat berkenaan.

Mohd Hazem, 49, menafikan perkara itu ketika disoal peguam, Tania Scivetti yang mewakili Datuk Seri Najib Razak dalam perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram dihadapi bekas Perdana Menteri itu di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Disoal Scivetti bahawa beliau dipilih secara peribadi oleh ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low untuk menggunakan kedudukannya bagi melaksanakan tindakan, antaranya mengarahkan Peguam 1MDB, Jasmine Loo untuk menyediakan resolusi, iaitu eksibit P559, Mohd Hazem menjawab: "Tidak bersetuju."

Scivetti: Anda juga menggunakan kedudukan anda untuk memastikan Ahli Lembaga Pengarah menandatangani resolusi yang menjejaskan 1MDB dan pemegang saham.

Mohd Hazem: Tidak bersetuju

Mohd Hazem juga tidak bersetuju dengan cadangan Scivetti bahawa tindakan beliau menandatangani resolusi itu tanpa rasa ragu-ragu adalah salah satu perkara yang menguntungkan Jho Low.

Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang turut mewakili Najib, men-

cadangkan bahawa Mohd Hazem adalah dalang sebenar di sebalik penyelewengan dana 1MDB.

Muhammad Shafee: Anda juga melakukan jenayah pengubahan wang haram. Anak guam saya tidak seharusnya berada di sini (dituduh), sebaliknya anda dan yang lain kerana memindahkan dana dari Malaysia ke dalam entiti luar yang tidak diiktiraf serta menyembunyikan hasil aktiviti haram.

Kepada hujah itu, Mohd Hazem menjawab tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Muhammad Shafee.

Najib, 68, berhadapan empat pertuduhan menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah yang sama.

Perbicaraan kes bersambung hari ini.

Berita Harian | 28 August 2021 | Page 18



Shamsubahrin tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Pengasas syarikat teksi didakwa terima rasuah

Kuala Lumpur: Pengasas syarikat teksi, Big Blue Taxi Services, Datuk Shamsubahrin Ismail didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tuduhan menerima rasuah RM10,000.

Shamsubahrin, 55, bapa kepada lima anak yang hadir di mahkamah dengan berkerusi roda, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozina Ayub.

Ahli perniagaan itu didakwa menerima wang tunai RM10,000 daripada akaun Maybank milik Yusfazila Md Yusoff sebagai dorongan untuk menyelesaikan kes Azizan Mohamed Yasin di Mahkamah Rayuan.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Ambank, Jalan Yap Kwan Seng, jam 1.45 tengah hari pada 4 Mac lalu dan didakwa

mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Abd Muntaqim Abdul Aziz, menawarkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh, namun tertuduh menerusi peguamnya, Muhammad Noor Azfar Muhammad Noor Azmi, memohon jaminan rendah dengan alasan memberi kerjasama penuh sepanjang siasatan.

Rozina membenarkan tertuduh diikat jamin RM2,000 dengan seorang penjamin dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai, selain menetapkan 1 Oktober depan untuk sebutan semula kes.